# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Indirect Exporter Financing Scheme Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*

**RHB BANK BERHAD**
**(6171-M)**

## INDIRECT EXPORTER FINANCING SCHEME

Date: ______________________________
[to be filled by Relationship Manager]

## 1. WHAT IS THIS PRODUCT ABOUT?

Indirect Exporter Financing Scheme (IEFS) is a without recourse financing scheme for small and medium size enterprises (SME) who are indirect exporters, whereby participating local commercial banks (IEFS Banks) discount commercial documents on open account or collection basis arising from supply of goods and/or services to direct exporters.

The financing by the IEFS Bank is against Indirect Exporter Financing Policy (IEFP) issued by Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), covering the Bank for 90% of its loss. The existence of EXIM Bank's insurance coverage allows the IEFS Banks to waive the requirement for collateral with respect to the financing granted to the SME supplier, thus facilitating them greater access to trade financing facility.

BRIEF TERMS & CONDITIONS

Eligible Customer

- SMEs who are indirect exporter
- Meet EXIM Bank's eligibility criteria

Salient Feature of IEFS

- Collateral: Collateral is not required but guaranteed by EXIM Bank via insurance coverage.
- Credit Line: Required for the indirect exporter with sub-limits for the direct exporters. (Approved by EXIM Bank).
- Interest Rate: Cost of fund (COF) + maximum spread of 2% per annum.
- Risk coverage: 90% by EXIM Bank and 10% by Bank.
- Insurance: Insurance premium must be collected from the customer and paid to EXIM Bank.
- Financing: By the Bank.
- Direct Exporter Exposure: EXIM Bank will set up an aggregate exposure per Direct Exporter. (Nation Wide).

Source of Financing

Usance local sales transactions (post-shipment) on the following basis:

- Open account
- Collection.

Open account

For open account transactions, the indirect exporter forward the documents directly to the direct exporter to ensure endorsement received evidencing goods received in good order and condition or acknowledgement of services received before submitting the documents to the Bank for financing.

Documentary Collections

For collection transactions, the indirect exporter presents the related sales documents to the Bank for collection through the direct exporter's banker. Financing is only available upon receipt of notice of acceptance and confirmation of maturity date from the collecting bank.

Faciltiy Requirement

- The IEFS facility must be created for the indirect exporter with specific sub-limit for the direct exporter(s).
- Indirect exporter and direct exporter are subject to credit evaluation by EXIM Bank and the Bank.
- Limits decided by EXIM Bank on the direct exporter will be advised to the Bank

Period of Financing

- The minimum financing period is 21 days.
- The maximum financing period is 180 days.
- The period of financing is from the date of discount up to the maturity date of the documents but not exceeding 180 days.
- The maturity date of the financing must mature on the maturity date of the commercial documents.
- The payment terms in the contract between the direct exporter and indirect exporter must not exceed the Maximum Credit Terms (MCT) of the Indirect Exporter Financing Policy (IEFP) or any lesser term specified in the relevant Credit Limit Endorsement (CLE) issued by EXIM Bank for the direct exporter. Currently the MCT is 120 days.

Channeling of Sales Proceeds

The related indirect exporter's sales proceeds must be channeled by the direct exporter to the Bank for credit to a designated escrow account or any account as notified by the Bank.
Financing proceeds are disbursed directly to the indirect exporter less:

- Financing cost
- Premium payable to EXIM Bank
- The Bank's relevant charges where applicable

## 2. WHAT DO I GET FROM THIS PRODUCT?

This is a post-shipment financing facilities that do not require collateral.

It frees up your existing credit lines or security, as RHB Bank is able to provide financing against EXIM Bank's insurance policy.

It helps you with additional working capital financing.

## 3. WHAT ARE MY OBLIGATIONS?

You must meet the EXIM Bank's eligibility criteria in order to be eligible.

You are responsible for the Insurance premium incurred and to be collected from you and paid to EXIM Bank.

Ensure there are sufficient of funds in the account and to authorise the bank to debit your account with us for all charges incurred.

## 4. WHAT IS THE CUT-OFF TIME FOR TRANSACTION TO BE PROCESSED?

Processing IEFS – 2.00pm

Foreign currency payment processing is subject to the respective foreign currency cut-off processing time.

Processing / Payment via RENTAS – 12.00pm

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Indirect Exporter Financing Scheme Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*

**RHB BANK BERHAD**
**(6171-M)**

**INDIRECT EXPORTER FINANCING SCHEME**

Date: ____________________
[to be filled by Relationship Manager]

Processing / Payment via IBG – 2.00pm

**5. WHAT OTHER CHARGES DO I HAVE TO PAY?**

| | |
|---|---|
| **a) Stamp Duties** | |
| As per the Stamp Act 1949 (Revised 1989) | |
| **b) Disbursement Fee** | |
| Not Applicable | |
| **c) Processing Fees** | |
| **Interest Rate** | Cost of fund (COF) + maximum spread of 2% per annum.<br><br>Financing Cost/ Discounted Proceeds is as follows:<br><br>Financing cost is deducted upfront from the amount financed.<br><br>Discounted proceeds is calculated as follows:<br><br>$P = FV\ [1 - \frac{R \times T}{36500}]$<br><br>where,<br>P = Discounted proceeds<br>FV = Face value of the transaction<br>R = Discount rate (in % p.a.)<br>T = Financing tenure (number of days remaining to maturity) |
| **A non-refundable processing Fee** | RM100.00 is payable by the indirect exporter to the Bank at the time of application for IEFS |
| **EXIM Bank's premium** | Based on EXIM Bank's credit assessment of the direct exporter up to 3.00% per annum of the invoice value. |
| **Handling (Service) Fee** | Payment – RM5.00<br><br>Stamping – RM5.00 |
| **Cost of Swift** | (see table below) |
| **Cost of RENTAS** | RM3.00 |
| **Cost of Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |

Cost of Swift:

| | Payment /Short (RM) | Long (RM) |
|---|---|---|
| **Local** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapore** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Others** | 30.00 | 80.00 |

| | |
|---|---|
| **Postage/ Delivery Charges** | |
| **<u>Local Party</u>** | |
| **Normal mail** | RM2.00 |
| **Registered mail** | RM3.00 |
| **Courier / hand delivery** | Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00 |
| **<u>Foreign Party</u>** | |
| **Normal mail** | RM3.00 |
| **Registered mail** | RM5.00 |
| **Courier / hand delivery** | Actual courier/transport charges plus RM5.00, Min RM10.00 |
| **Services Tax (ST)** | If any service made under this IEFS is a taxable service to which the ST would apply, then the Bank reserves the right to levy ST at the prescribe rate and the recipient of the service agrees to pay the amount of ST.<br><br>You shall bear all professional fees, taxes (including service tax or sales tax and/or applicable taxes that maybe imposed by the relevant authorities at any time and from time to time throughout the subsistence of the IEFS facility(ies) / service(s), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of the IEFS facility(ies) / service(s |

**6. WHAT IF I FAIL TO FULFIL MY OBLIGATIONS**

Any overdue in any trade facility, the IEFS line shall be frozen immediately.

Outstanding loan on maturity with non-payment from the direct exporter to the designated account on maturity date shall be converted to overdue under the indirect exporter's accounts. The IEFS facility for indirect exporter covering the direct exporter will be frozen.

Financing to indirect exporter is on without recourse basis. Overdue shall be recorded under indirect exporter account for tracking purpose and shall not impact indirect exporter's other facilities with the Bank.

Overdue interest of BLR + penalty (x%) shall be imposed on all overdue bills. The present penalty rate is 3.5% p.a. The overdue interest shall be computed from the day the bill turns overdue until settlement.

Plus Overdue Bill Penalty fee – RM100.00.

**7. WHAT IF I FULLY SETTLE THE LOAN DURING THE LOCK-IN PERIOD?**

Not Applicable.

**8. DO I NEED ANY INSURANCE COVERAGE?**

# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

*(Please read and understand this Product Disclosure Sheet before you decide to take up Indirect Exporter Financing Scheme Facility. Be sure to also read the Terms and Conditions as stated in the Letter of Offer. Please seek clarification from RHB Bank Berhad if you do not understand any part of this document or the general terms)*

**RHB BANK BERHAD**
**(6171-M)**

**INDIRECT EXPORTER FINANCING SCHEME**

Date: ______________________________
[to be filled by Relationship Manager]

Yes, Insurance coverage is available with EXIM Bank.

**9. WHAT DO I NEED TO DO IF THERE ARE CHANGES TO MY CONTACT DETAILS?**

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

**10. WHERE CAN I GET ASSISTANCE AND REDRESS?**

If you have difficulties in making repayments, you should contact us earliest possible to discuss repayment alternatives. You may contact your **RHB Account Relationship Manager** or send an e-mail to us trade.customer.solution@rhbgroup.com or contact us at 03-9280 7447.

Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counselling and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit,
Tingkat 6 & 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-2616 7766
Laman web :
https://services.akpk.org.my/

If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may e-mail us at trade.customer.solution@rhbgroup.com or contact us at 03-9280 7447.

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515
E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

OR

Ombudsman for Financial Services (OFS)
(Formerly known as Financial Mediation Bureau) at:
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Telephone: 03-2272 2811
Fax: 03-2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: http://www.ofs.org.my

**11. WHERE CAN I GET FURTHER INFORMATION?**

Should you require any further information on our products, please visit nearest RHB Trade Finance Centre or log on to www.rhbgroup.com for more information.

**12. OTHER TRADE SERVICES OR FINANCING AVAILABLE**

We also provide an array of other transaction banking products, which may be able to suit your other needs. Kindly visit http://www.rhbgroup.com/ for further information.

**"IMPORTANT NOTE: IF YOU DO NOT KEEP UP WITH THE REPAYMENT OF YOUR FACILITIES, LEGAL ACTION MAY ALSO BE TAKEN AGAINST YOU"**

*The information provided in this disclosure sheet is valid from March 2022 and is subject to change at the Bank's discretion from time to time with prior notification*

*The information in this Product Disclosure Sheet is given on a general basis without obligation and is strictly for information only. The information contained in this document are based on certain assumptions and information available as at the date of this document, all of which are accordingly subject to change at any time with notice. This document may be translated into a language other than English. The English version of this Product Disclosure Sheet shall prevail in case of any inconsistencies with other language version.*

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

*(Sila baca dan fahami Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kemudahan Skim Pembiayaan Pengeksport Tak Langsung. Pastikan bahawa anda juga membaca Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada RHB Bank Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am)*

**RHB BANK BERHAD**
**(6171-M)**

**SKIM PEMBIAYAAN PENGEKSPORT TAK LANGSUNG**

Tarikh: ______________________________
[Untuk diisi oleh Pengurus Perhubungan]

## 1. APAKAH PRODUK INI?

Skim Pembiayaan Pengeksport Tak Langsung (IEFS) ialah skim pembiayaan tanpa dakwa (*without recourse*) untuk perusahaan kecil dan sederhana (SME) yang merupakan pengeksport tak langsung. Bank komersial tempatan yang menyertai skim ini termasuk pihak Bank (Bank IEFS) memberikan diskaun bagi dokumen komersial berdasarkan akaun terbuka atau kutipan yang timbul daripada pembekalan barangan dan/atau perkhidmatan kepada pengeksport langsung.

Pembiayaan oleh pihak Bank dibuat dengan Polisi Pembiayaan Pengeksport Tak Langsung (IEFP) yang dikeluarkan oleh Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank), dan yang melindungi pihak Bank sehingga 90% daripada jumlah kerugiannya. Perlindungan insurans EXIM Bank membolehkan pihak Bank untuk mengetepikan keperluan untuk mengadakan cagaran berkenaan dengan pembiayaan yang diberikan kepada pembekal SME, dan oleh itu, memudahkan lagi capaian mereka kepada kemudahan pembiayaan perdagangan.

### TERMA & SYARAT RINGKAS

Pelanggan yang Layak

- SME yang merupakan pengeksport tak langsung
- Memenuhi kriteria kelayakan EXIM Bank

Ciri-ciri Penting IEFS

- Cagaran: Cagaran tidak diperlukan tetapi dijamin oleh EXIM Bank melalui perlindungan insurans.
- Kemudahan Kredit: Diperlukan untuk pengeksport tak langsung dengan had kecil kredit khusus untuk pengeksport langsung. (Diluluskan oleh EXIM Bank).
- Perlindungan risiko: 90% oleh EXIM Bank dan 10% oleh pihak Bank.
- Insurans: Premium insurans mesti dikutip daripada anda dan dibayar kepada EXIM Bank.
- Pembiayaan: Oleh pihak Bank.
- Pendedahan Pengeksport Langsung: EXIM Bank akan menyediakan pendedahan agregat bagi setiap Pengeksport Langsung. (Seluruh Negara).

Sumber Pembiayaan

Transaksi jualan tempatan usans (pascakiriman) berdasarkan perkara berikut:

- Akaun terbuka
- Kutipan

Akaun terbuka

Bagi transaksi akaun terbuka, pengeksport tak langsung menyampaikan dokumen terus kepada pengeksport

langsung untuk memastikan bahawa endorsan diterima untuk membuktikan barangan telah diterima dengan sewajarnya dan dalam keadaan yang baik, atau perakuan perkhidmatan telah diterima, sebelum menyerahkan dokumen kepada pihak Bank untuk pembiayaan.

Kutipan Berdokumen

Bagi transaksi kutipan, pengeksport tak langsung akan mengemukakan dokumen jualan yang berkaitan kepada pihak Bank untuk kutipan melalui jurubank pengeksport langsung. Pembiayaan hanya tersedia apabila diterimanya notis penerimaan dan pengesahan tarikh matang daripada bank kutipan.

Keperluan Kemudahan

- Kemudahan IEFS mesti diwujudkan untuk pengeksport tak langsung dengan had kecil kredit yang khusus untuk pengeksport langsung.
- Pengeksport tak langsung dan pengeksport langsung adalah tertakluk pada penilaian kredit oleh EXIM Bank dan pihak Bank.
- Had kredit yang diputuskan oleh EXIM Bank untuk pengeksport langsung akan dimaklumkan kepada pihak Bank.

Tempoh Pembiayaan

- Tempoh pembiayaan minimum adalah selama 21 hari.
- Tempoh pembiayaan maksimum adalah selama 180 hari.
- Tempoh pembiayaan adalah dari tarikh diskaun sehingga tarikh matang dokumen tetapi tidak melebihi 180 hari.
- Tarikh matang pembiayaan mesti menjadi matang pada tarikh matang dokumen komersial.
- Tempoh pembayaran dalam kontrak antara pengeksport langsung dengan pengeksport tak langsung tidak boleh melebihi Tempoh Kredit Maksimum (MCT) bagi Polisi Pembiayaan Pengeksport Tak Langsung (IEFP) atau apa-apa tempoh yang lebih singkat seperti yang ditentukan dalam Endorsan Had Kredit (CLE) berkaitan yang dikeluarkan oleh EXIM Bank untuk pengeksport langsung. MCT pada masa ini adalah selama 120 hari.

Menyalurkan Hasil Penerimaan Jualan

Hasil penerimaan jualan pengeksport tak langsung yang berkaitan mesti disalurkan oleh pengeksport langsung kepada pihak Bank untuk dikreditkan ke dalam akaun eskrow atau sebarang akaun seperti yang dimaklumkan oleh pihak Bank.
Hasil penerimaan pembiayaan akan dibayar dengan terus kepada pengeksport tak langsung, tolak:

- Kos pembiayaan
- Premium yang perlu dibayar kepada EXIM Bank
- Caj pihak Bank yang berkaitan, jika berkenaan

## 2. APAKAH YANG SAYA DAPAT DARIPADA PRODUK INI?

- Produk ini merupakan kemudahan pembiayaan pascakiriman yang tidak memerlukan cagaran.
- Ia melepaskan kemudahan kredit atau sekuriti anda yang sedia ada, kerana pihak Bank dapat menyediakan pembiayaan bersandarkan polisi insurans EXIM Bank.
- Perkara ini membantu anda dari segi pembiayaan modal kerja tambahan.

## 3. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

Anda dikehendaki supaya:

- memenuhi kriteria kelayakan EXIM Bank.

- bertanggungjawab terhadap premium insurans yang ditanggung dan membenarkan kutipannya daripada anda untuk pembayaran oleh pihak Bank kepada EXIM Bank.

- memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun, dan membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan semua caj yang ditanggung, daripada akaun anda dengan kami.

**4. BILAKAH WAKTU TERAKHIR UNTUK MEMPROSES TRANSAKSI?**

Pemprosesan IEFS – pukul 2.00 petang

Pemprosesan pembayaran dalam mata wang asing adalah tertakluk pada waktu terakhir pemprosesan mata wang asing yang berkenaan.

Pemprosesan / Pembayaran melalui RENTAS – pukul 12.00 tengah hari

Pemprosesan / Pembayaran melalui IBG – pukul 2.00 petang

**5. APAKAH CAJ LAIN YANG PERLU SAYA BAYAR?**

| | |
|---|---|
| **a) Duti Setem** | |
| Mengikut Akta Setem 1949 (Disemak - 1989) | |
| **b) Fi Pemprosesan** | |
| **Kadar Faedah** | Kos dana (COF) + tebaran maksimum sebanyak 2% setahun.<br><br>Pengiraan Kos Pembiayaan/ Hasil Penerimaan Terdiskaun adalah seperti berikut:<br><br>• Kos Pembiayaan dipotong terdahulu daripada amaun yang dibiayai<br><br>• Hasil penerimaan terdiskaun dikira seperti berikut:<br><br>$P = FV\ [1 - \frac{R \times T}{36500}]$<br>*iaitu,*<br>P = Hasil penerimaan terdiskaun<br>FV = Nilai muka transaksi<br>R = Kadar diskaun (dalam % setahun)<br>T = Tempoh pembiayaan (bilangan hari yang tinggal sebelum tarikh matang) |
| **Fi pemprosesan yang tidak boleh dibayar balik** | Sebanyak RM100.00 perlu dibayar oleh pengeksport tak langsung kepada pihak Bank pada masa permohonan IEFS dibuat |
| **Premium EXIM Bank** | Berdasarkan penilaian kredit EXIM Bank terhadap pengeksport langsung sehingga 3.00% setahun daripada nilai invois. |
| **Fi (Perkhidmatan) Pengendalian** | Untuk pembayaran – RM5.00<br><br>Untuk menerakan setem pada dokumen – RM5.00 |

| | |
|---|---|
| | Bayaran pos (tempatan & luar negeri) – RM5.00 |
| **Kos SWIFT** | (see table below) |
| **Kos RENTAS** | RM3.00 |
| **Kos Interbank GIRO (IBG)** | RM2.00 |
| **Caj Pos / Penghantaran** | |
| **<u>Tempatan</u>** | |
| **Surat biasa** | RM2.00 |
| **Surat berdaftar** | RM3.00 |
| **Kurier / serahan tangan** | Caj sebenar kurier/pengangkutan dengan bayaran tambahan RM5.00, Minimum RM10.00 |
| **<u>Luar Negeri</u>** | |
| **Surat biasa** | RM3.00 |
| **Surat berdaftar** | RM5.00 |
| **Kurier / serahan tangan** | Caj sebenar kurier/pengangkutan dengan bayaran tambahan RM5.00, Minimum RM10.00 |
| **Cukai Perkhidmatan (ST)** | Jika apa-apa perkhidmatan yang diberikan di bawah IEFS ini merupakan perkhidmatan yang bercukai yang ke atasnya ST akan dikenakan, maka pihak Bank mempunyai hak untuk mengenakan ST pada kadar yang ditetapkan dan penerima perkhidmatan bersetuju untuk membayar jumlah ST itu.<br><br>Anda hendaklah menanggung semua fi profesional dan cukai (termasuk cukai perkhidmatan atau cukai jualan dan/atau cukai berkenaan yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh kemudahan / perkhidmatan IEFS, dan perbelanjaan sendiri yang ditanggung dan sebarang fi atau perbelanjaan lain atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan kemudahan / perkhidmatan IEFS. |

Kos SWIFT:

| | **Pembayaran / Mesej Ringkas (RM)** | **Mesej Panjang (RM)** |
|---|---|---|
| **Tempatan** | 10.00 | 25.00 |
| **Singapura** | 25.00 | 35.00 |
| **Asia** | 25.00 | 70.00 |
| **Lain-lain** | 30.00 | 80.00 |

**6. BAGAIMANA JIKA SAYA GAGAL UNTUK MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?**

Jika terdapat sebarang amaun lampau tempoh dalam mana-mana kemudahan perdagangan, kemudahan IEFS akan dibekukan dengan serta-merta.

Jika terdapat amaun pembiayaan yang tertunggak pada kematangan dan tiada bayaran dibuat oleh pengeksport langsung ke dalam akaun yang ditentukan pada tarikh matang, tunggakan itu akan ditukar menjadi lampau tempoh di bawah akaun pengeksport tak langsung. Kemudahan IEFS untuk pengeksport tak langsung yang merangkumi pengeksport langsung akan dibekukan.

Pembiayaan untuk pengeksport tak langsung diberikan atas dasar tanpa dakwa. Amaun lampau tempoh akan direkodkan di bawah akaun pengeksport tak langsung bagi tujuan penjejakan dan tidak akan memberikan kesan terhadap kemudahan lain bagi pengeksport tak langsung yang dibuat dengan pihak Bank.

Faedah lampau tempoh sebanyak BLR + penalti (x%) akan dikenakan ke atas semua bil lampau tempoh. Kadar penalti semasa ialah 3.5% setahun. Faedah lampau tempoh hendaklah dikira dari hari bil menjadi lampau tempoh sehingga penyelesaian pembayaran.

Sebagai tambahan kepada perkara di atas, akan terdapat fi Penalti Bil Lampau Tempoh sebanyak RM100.

**7. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN SEMUA BAKI PEMBIAYAAN SEMASA TEMPOH TERTUTUP?**

Tidak Berkenaan.

**8. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN APA-APA PERLINDUNGAN INSURANS?**

Ya, perlindungan insurans tersedia dengan EXIM Bank.

**9. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT APA-APA PERUBAHAN KEPADA MAKLUMAT PERHUBUNGAN SAYA?**

Penting bahawa anda memberitahu kami mengenai sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**10. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?**

Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat pembayaran balik, anda patut menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi **Pengurus Perhubungan Akaun RHB** anda atau menghantar e-mel kepada kami pada alamat trade.customer.solution@rhbgroup.com atau menghubungi kami pada talian 03-9280 7447.

Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi

Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang

ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk para individu dan SME. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit,
Tingkat 6 & 6, Menara Bumiputra Commerce,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel : 03-2616 7766
Laman web : https://services.akpk.org.my/

Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghantar e-mel kepada kami pada alamat trade.customer.solution@rhbgroup.com atau menghubungi kami pada talian 03-9280 7447.

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak mendapat penjelasan atau penyelesaian yang memuaskan daripada kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

ATAU
Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
(Dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan) di:
Aras 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur
Telefon: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my
Laman web: http://www.ofs.org.my

**11. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?**

Sekiranya anda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai produk kami, sila kunjungi Pusat Pembiayaan Perdagangan RHB (*RHB Trade Finance Centre*) yang terdekat atau log masuk ke laman www.rhbgroup.com untuk mendapatkan maklumat tambahan.

**12. PERKHIDMATAN ATAU PEMBIAYAAN PERDAGANGAN LAIN YANG TERSEDIA**

Kami juga menyediakan pelbagai produk perbankan transaksi, yang mungkin dapat memenuhi keperluan anda yang lain. Sila lawati laman http://www.rhbgroup.com/ untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**CATATAN PENTING: JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BALIK BAGI KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA ANDA, TINDAKAN UNDANG-UNDANG JUGA BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA.**

*Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah dari Mac 2022 dan adalah tertakluk pada perubahan mengikut budi bicara Bank dari semasa ke semasa dengan pemberitahuan terdahulu*

*Maklumat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini diberikan secara am tanpa tanggungjawab, dan adalah semata-mata untuk maklumat anda. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah berdasarkan andaian tertentu dan maklumat yang boleh didapati seperti pada tarikh dokumen ini, dan oleh demikian, kesemuanya adalah tertakluk pada perubahan pada bila-bila masa dengan notis. Dokumen ini mungkin diterjemahkan ke dalam sesuatu bahasa selain daripada Bahasa Inggeris. Versi Bahasa Inggeris Lembaran Pendedahan Produk ini hendaklah mengatasi versi bahasa lain sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten.*